

READMALAYSIA'11 TANAM TABIAT MEMBACA DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

Tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia telah meningkat sejak kebelakangan ini. Ia adalah atas usaha kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan kempen yang berkaitan dengan membaca. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa kita masih ada ruang untuk peningkatan. Menurut statistik, rakyat Malaysia membaca sebanyak 8 sehingga 12 buku setahun, sementara yang lain menyukai bahan bacaan ringan seperti majalah dan akhbar.

Dengan kesedaran ini, MINES Event Management Sdn Bhd mengambil peluang ini untuk mengadakan acara tahunan untuk menggalakkan lagi tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia. **READMALAYSIA'11** kini kembali lagi pada tahun ini semasa cuti penggal kedua persekolahan iaitu dari 27 Mei ke 5 Jun 2011 di Malaysia International Exhibition & Convention Centre (MIECC), Mines Resort City, Seri Kembangan, Selangor.

Pesta buku ini disasarkan bukan sahaja kepada kanak-kanak dan orang dewasa, tetapi juga remaja dan pelajar universiti. Semua orang dari pelbagai lapisan masyarakat sedar betapa pentingnya membaca dan ilmu pengetahuan untuk berjaya dalam kehidupan.

Tahun ini telah menunjukkan peningkatan dalam penglibatan badan berkuasa dalam menjayakan pesta buku ini, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menjadi rakan penganjur serta sokongan dari Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Duta READMALAYSIA iaitu Upin dan Ipin akan sekali lagi membuat penampilan pada pesta buku tahun ini. Saksikanlah pasangan kembar kecil molek yang terkemuka di negara ini secara langsung pada 27 Mei dan 5 Jun 2011.

Pada tahun ini, **READMALAYSIA'11** menawarkan pelbagai buku pendidikan, fiksyen dan buku am serta komik, alat tulis, *produk e-learning* dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris, bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia.

Tahun ini jumlah pempamer telah meningkat sehingga 500 gerai berbanding 400 gerai tahun lalu dan memaparkan nama-nama besar industri seperti Borders, Granmedia Bookstores, PTS Publication, Cite Publication, Green Fiction Publication, KL Commercial, Eu Ee (M) Sdn Bhd, Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa & Pustaka dan lain-lain. Acara yang berlangsung selama 10 hari ini dijangka dapat menarik lebih 400,000 pengunjung berbanding 346,000 pengunjung tahun lalu.

Pesta buku ini dijadikan interaktif dan penuh dengan hiburan seperti persembahan pelajar sekolah, pelbagai pertandingan (Mewarna, Mengeja, Pertandingan Bercerita, Pertandingan Membaca Skrip Drama), pelancaran buku, seminar dan ucapan serta lain-lain tarikan.

Pesta buku ini juga bakal dihadiri oleh ramai nama – nama terkenal tanah air yang turut mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan. Antaranya termasuklah sesi interaktif bersama Dr Sheikh Muszaphar Shukor, Angkasawan Negara, sesi *My Favourite Read* bersama Dato Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David & Puan Wardina Safiyyah dan *Brain Mastery* dari Ken Chee dan juga *My Little Chocolatier workshop*, pertandingan baju kostum serta pertunjukan dan pertandingan Bandai Gundum.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang dijangka menarik perhatian pengunjung termasuklah penampilan penceramah berbahasa Cina yang dihormati, Liu Xuan, Ma Jia Hui, Fan Yi Shun, Billy, Zhang Hong Yu, Ling Lan, Su Hei, Lin Bo Yong – dari Taiwan, China dan Hong Kong serta penulis - penulis tempatan yang akan menyertai READ MALAYSIA 2011 untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang pendidikan, kesihatan, pemakanan dan fesyen serta pelancaran buku baru.

Pelbagai diskaun, promosi dan beraneka hadiah menanti para penunjung pada acara ini. Inilah sememangnya tempat dimana tiada penghujung bagi ilmu pengetahuan.

Satu acara lain, The Chocolate Fair, juga akan diadakan serentak dengan **READMALAYSIA'11** di lobi MIECC untuk menyerikan lagi suasana acara ini. Para pengunjung boleh menikmati makanan kegemaran ini sementara mengunjungi aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Mines International Exhibition & Convention Centre (MIECC) juga akan menyediakan servis pengangkutan bas percuma dari stesen LRT Bukit Jalil dan Stesen KTM Serdang ke MIECC untuk memudahkan lagi perjalanan para pengunjung ke sana.

Waktu operasi **READMALAYSIA'11** adalah dari 11.00am hingga 10.00pm setiap hari.

Masuk adalah percuma!

Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila hubungi MINES Event Management, Mr Ryan Mok di talian 03-8949 5566 / 017- 270 1722, atau faks ke 03-8945 2155, atau email / layari laman web www.readmalaysia.my.